

Lapan gerai diarah tutup langgar syarat berniaga

KUALA LUMPUR – Lapan gerai diarah tutup selepas didapati melanggar peraturan kebersihan dan kesihatan dalam satu operasi khas di di Pusat Penjaja Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, Setapak Jaya.

Operasi dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan aduan orang awam diterima melalui platform AduKL berhubung tahap kebersihan dan pematuhan undang-undang kesihatan di pusat penjaja terbabit.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan pada Khamis, memaklumkan hasil pemeriksaan terhadap 22 unit gerai mendapati terdapat beberapa pelanggaran syarat yang ketara.

“Ini termasuk pengendali yang tidak mempunyai suntikan tifoid, aktiviti mencuci dilakukan di lantai, persekitaran premis kotor serta stor penyimpanan barangan berselerak selain menyimpan barang terpakai.

“Daripada jumlah ini, lapan gerai diarahkan tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983. Selain itu, dua kompaun turut dikeluarkan atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (UUKPPM),” jelasnya.

Tambah kenyataan itu, satu notis tutup selama 14 hari turut dikeluarkan kepada pengendali terlibat untuk membaiki segala kemungkiran berdasarkan syarat perjanjian ditetapkan.



Penguat kuasa DBKL memeriksa gerai milik peniaga di Pusat Penjaja PA Desa Rejang, Setapak.